

03/08/2001

Adun Indera Kayangan mungkin letak jawatan

Rashidi Karim

KANGAR, Khamis - Pengerusi MCA Perlis, Datuk Khor Liang Tee (gambar), dipercayai meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Indera Kayangan.

Khor, 59, yang menghidap penyakit barah usus sejak dua tahun lalu, dikatakan mengemukakan surat peletakan jawatannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas alasan kesihatan.

Khor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menjadi Pengerusi MCA Perlis sejak 1990 dan mengekalkan jawatan Adun sejak tiga penggal.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, ketika ditemui di kediaman rasminya di sini, lewat petang ini, berkata beliau akan mengadakan sidang akhbar khas selepas melawat Khor kira-kira jam 5.30 petang esok di Kuala Lumpur.

Shahidan yang sebelum itu mengadakan perjumpaan khas dengan semua pemimpin komponen Barisan Nasional (BN) kawasan Indera Kayangan berkata, Khor menghubunginya melalui telefon ketika dibawa ke Hospital Glenegles di Kuala Lumpur dan meminta untuk menemuinya.

Beliau berkata, Khor dimasukkan ke Hospital Kangar, Selasa lalu kerana barah usus tetapi dikejarkan ke hospital swasta itu apabila keadaan bertambah buruk.

Mengenai keadaan Khor, Shahidan berkata: "Keadaan dia tidak berapa elok."

Ditanya mengenai persediaan jentera BN bagi menghadapi kemungkinan pilihan raya kecil, Shahidan berkata, BN negeri sudah bersedia menghadapi kemungkinan pilihan raya kecil diadakan.

Shahidan yang baru pulang tengah hari ini dari satu perjumpaan dengan kepimpinan BN di Kuala Lumpur berkata, jentera pilihan raya di setiap kawasan DUN di Perlis juga sudah diarah bersiap sedia.

(END)